

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

KKM akan pantau penyakit bawaan air

Melaka: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memantau sebarang penyakit bawaan air terutama kencing tikus (leptospirosis) dan keracunan makanan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, dua penyakit terbabit sering berlaku terutama selepas banjir melanda sesuatu kawasan.

"Kita juga akan menggerakkan pasukan lain (pasukan kesihatan) untuk aktiviti pembersihan terutama di fasiliti-fasiliti kesihatan yang terjejas dengan bencana berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan *Nursing Professional Group (NPG) International Nursing Conference 2023* bertemakan *Invest in Nursing: Then, Now and What's to Come* di sini, semalam. Hadir sama, Pen-

garah Kesihatan Melaka, Datuk Dr Rusdi Abd Rahman, Pengerusi NPG, Prof Zahrah Saad dan Pengarah Kejururawatan KKM, SM Devi.

Dalam pada itu, Dr Zaliha berkata, KKM mempunyai prosedur operasi standard (SOP) ketika berlaku banjir terutama dalam menguruskan pusat pemindahan sementara (PPS).

Beliau berkata, antara perkara dilakukan termasuklah melaksanakan aktiviti semburan untuk mengelak penyakit berjangkit selain membuka klinik bergerak sebagai rawatan segera kepada mangsa banjir yang sakit.

Katanya, KKM juga masih melakukan saringan Covid-19 kepada mangsa banjir yang berpindah ke PPS.



AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : LOKAL

Kes denggi di Kelantan meningkat 583%

Kota Bharu: Kes demam denggi di Kelantan meningkat sebanyak 583 peratus sehingga Februari tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sepanjang tempoh itu sebanyak 280 kes demam denggi direkodkan sejak Januari sehingga 25 Februari lalu berbanding 41 kes tahun lalu.

Katanya, bagaimanapun jumlah kes tahun ini lebih rendah berbanding jumlah kes tahun sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan sebanyak 72.7 peratus pada 2020 atau 1,028 kes dan 59.8 peratus atau 697 kes pada 2019.

"Wabak denggi yang dilaporkan sehingga 25 Februari adalah sebanyak 11 berbanding dua wabak pada



Aktiviti kawalan vektor membabitkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan turut dijalankan untuk setiap kejadian kes tunggal atau wabak"

Dr Zaini

tempoh sama tahun lalu.

"Daripada sembilan wabak denggi yang dilaporkan, tujuh wabak sudah tamat manakala empat wabak lagi masih aktif," katanya kepada pemberita dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Jurawat Patuh Syariah di Kolej

Poly-Tech Mara (KPTM) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, aktiviti kawalan dan pencegahan sudah dijalankan untuk semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan di semua lokaliti bagi memutuskan rantaian jangkitan.

"Sebagai contoh, aktiviti kawalan vektor membabitkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan turut dijalankan untuk setiap kejadian kes tunggal atau wabak.

"Di samping itu, aktiviti pencegahan juga dipertingkatkan di lokaliti keutamaan dan berisiko di seluruh negeri Kelantan.

"Sehingga 25 Februari sejumlah 97,784 premis sudah diperiksa dan 463 kompaun dengan nilai RM231,500 su-

dah dikeluarkan kepada pemilik premis yang dijumpai terdapat pembiakan Aedes dan mereka dikenakan kompaun di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 [Akta 154]," katanya.

Beliau berkata, bagi membendung penyakit demam denggi daripada terus merebak dan mengancam kesihatan penduduk di negeri Kelantan, seluruh lapisan masyarakat perlu bersama-sama memikul tanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran.

"Dalam masa sama, JKNK turut menyeru orang ramai untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab bagi memastikan persekitaran premis bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes supaya kes dan wabak denggi menurun," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 18
 RUANGAN : NEGARA

Kes denggi di Kelantan meningkat 583 peratus



DR. ZAINI (tiga dari kiri) menyempurnakan majlis perasmian Kursus Jururawat Patuh Syariah di Kota Bharu semalam. — ROSMIZAN RESDI

KOTA BHARU – Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan di Kelantan bermula Januari sehingga 25 Februari lalu meningkat sebanyak 583 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Husin berkata, sebanyak 280 kes demam denggi dilaporkan sepanjang tempoh itu, berbanding hanya 41 kes tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, jumlah kes tahun ini lebih rendah berbanding sebelum pandemik Covid-19.

"Ketika itu, ia mencatatkan penurunan 72.7 peratus iaitu 1,028 kes pada 2020 dan 59.8 peratus

dengan 697 kes pada 2019.

"Sepanjang Januari hingga 25 Februari lalu, sebanyak 11 wabak denggi dilaporkan dan ia menunjukkan peningkatan apabila dua wabak dicatatkan dalam tempoh sama pada tahun lalu.

"Daripada sembilan wabak denggi yang dilaporkan, tujuh wabak telah berakhir, manakala empat lagi masih aktif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Kursus Jururawat Patuh Syariah di Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Zaini memberitahu, JKNK telah melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan untuk semua kes

termasuk wabak denggi yang dilaporkan di semua lokaliti bagi memutuskan rantaian jangkitan.

Katanya, aktiviti kawalan vektor melibatkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan dijalankan untuk setiap kejadian kes tunggal atau wabak yang dilaporkan.

"Sebanyak 97,784 premis diperiksa sehingga 25 Februari lalu dan 463 kompaun dengan nilai RM231,500 dikeluarkan kepada pemilik premis yang dijumpai terdapat pembiakan nyamuk aedes.

"Kompaun dikeluarkan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 (Akta 154)," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : DALAM NEGERI

Demam denggi di Kelantan naik 583 peratus

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@meclanmulla.com.my

KOTA BHARU: Kes demam denggi di negeri ini naik 583 peratus sejak Januari sehingga 25 Februari lalu berbanding tempoh sama tahun lepas.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr. Zaini Husin berkata, sepanjang tempoh tersebut sebanyak 280 kes direkodkan berbanding 41 kes tahun lalu.

Jelasnya, bagaimanapun jumlah kes tahun ini lebih rendah berbanding sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan sebanyak 72.7 peratus (1,028 kes) untuk 2020 dan 59.8 peratus (697 kes) 2019.

"Kes denggi yang dilaporkan sehingga 25 Februari lalu adalah sebanyak 11 wabak, berbanding dua wabak pada tempoh yang sama tahun lalu.

"Daripada sembilan wabak denggi yang dilaporkan, tujuh wabak tamat manakala empat

wabak lagi masih aktif," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kursus Jururawat Patuh Syariah di Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) di sini semalam.

Dr. Zaini memberitahu, aktiviti kawalan dan pencegahan dijalankan untuk kes serta wabak denggi di semua lokaliti dilaporkan bagi memutuskan rantaian jangkitan.

Katanya, sebagai contoh aktiviti kawalan vektor yang melibatkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan dijalankan untuk setiap kejadian kes.

"Sehingga 25 Februari lalu, sejumlah 97,784 premis diperiksa dan 463 kompaun dengan nilai RM231,500 dikeluarkan kepada pemilik premis yang terdapat pembiakan Aedes.

"Kompaun berkenaan dikenakan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 (Akta 154)," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION / NEWS



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Ministry to monitor flood borne diseases

MALACCA: The Health Ministry will monitor cases of waterborne diseases after the floods, especially leptospirosis and food poisoning, said its minister Dr Zaliha Mustafa.

"We will also mobilise other teams for cleanup works, particularly at health facilities affected by the disaster," she said.

Zaliha was speaking after officiating at a nursing conference.

Also present were Malacca health director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman, Nursing Professional Group chairman Prof Zahrah Saad and Health Ministry nursing division director S.M. Devi.

Zaliha added that the ministry has standard operating procedures for flood disasters, especially in managing relief centres.

These include fogging activities to prevent infectious diseases and setting up mobile clinics to provide immediate treatment.

-Bemama